

## Membangun Potensi Masjid Sebagai Sebuah Institusi Pendidikan Islam & Masyarakat

*Mohd Ismail Mustari<sup>1</sup>, Bushrah Basiron<sup>2</sup>, Kamarul Azmi Jasm<sup>3</sup>,  
Ajmain@Jimain Safar<sup>4</sup>, & Azhar Muhammad<sup>5</sup>*

*Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia<sup>1, 2, 3, 4</sup>*

*Fakulti Bahasa, Universiti Malaysia Kelantan<sup>5</sup>*

*mohdismail@utm.my<sup>1</sup>*

### ABSTRAK

Masjid merupakan pusat ibadah, pentadbiran, masyarakat, pendidikan, ekonomi dan pembangunan sosial pada zaman Rasulullah SAW. Walau bagaimana pun peranan dan fungsi masjid ini telah berubah berikutan perubahan masa dan zaman. Kajian ini akan membincangkan peranan masjid sebagai salah sebuah institusi pendidikan Islam dan pembangunan masyarakat untuk dijadikan panduan oleh pelbagai pihak. Kajian telah dilakukan ke atas beberapa buah masjid yang telah disenaraikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai masjid yang berdikari dengan kepelbagaian program pendidikan dan pembangunan masyarakat. Kertas kerja ini juga membincangkan sejarah masjid pada zaman Baginda Rasulullah SAW.

Kata Kunci: Masjid, pendidikan, masyarakat

### ABSTRACT

Mosque was the center of worship, administrative, community, education, economic as well as social development at the time of the Prophet Muhammad SAW. However the role and function of the mosque has been changed due to the change of time and era. This review will discuss the role of the mosque as an institution of Islamic education and community development to guide the various parties. The study was conducted over a number of mosques that were listed by the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) as an independent mosque with a diversity of educational programs and community development. This paper also discusses the history of the mosque at the time of the Prophet Muhammad SAW.

Keywords: Mosque, education, community

### PENGENALAN

Dalam sejarah Islam, masjid merupakan satu institusi yang terpenting. Bukan sahaja dilihat sebagai lambang syiar Islam, tetapi ia juga lebih menyerlah sebagai lambang perpaduan ummah bahkan telah dijadikan pusat pembangunan masyarakat Islam dan telah berfungsi sebagai sebuah institusi terpenting dalam memenuhi keperluan umat Islam. Al-Quran menjelaskan bahawa individu muslim yang baik adalah individu yang hatinya sentiasa terikat untuk mendekati masjid dan mengimarhkannya. Firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Taubah ayat 18:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَمِمَّا يَخْشَى إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُتَّقِينَ

Maksudnya: “Sesungguhnya orang yang suka mengimarhkan masjid hanyalah orang yang beriman kepada Allah dan percaya kepada hari akhirat, mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan orang yang tidak takut selain Allah. Mudah-mudahan itulah orang yang akan mendapat petunjuk”.

Ayat tersebut menunjukkan ciri-ciri muslim yang terbaik iaitu sentiasa mengimarahkan masjid. Usaha pengimarahkan masjid bukan sahaja terhad kepada amalan ibadat khusus sahaja bahkan mengoptimumkan fungsinya sebagai sebuah institusi pembangunan masyarakat. Masjid juga merupakan jambatan memperkukuhkan persaudaraan, kesefahaman, kecintaan sesama umat Islam dalam menghayati ajaran Islam. Fungsi dan peranan masjid perlu digerakkan agar ia bukan sahaja menjadi tempat yang sepi, kosong dan sunyi kecuali pada waktu-waktu tertentu sahaja. Jangan sampai kita merasa gah dengan kemodenan dan kecanggihan masjid kita tetapi tidak dapat dimaksimumkan penggunaannya.

Kegemilangan tamadun Islam berkait rapat dengan unsur pendidikan dan ilmu pengetahuan. Penubuhan negara Islam Madinah oleh Rasulullah SAW menyaksikan bagaimana masjid dinobatkan sebagai sebuah institusi pendidikan dari segi rohani dan jasmani hingga menjadi mercu tanda keagungan peradaban dan kedaulatan umat Islam (Zulkiflee Haron, et.al, 2008:1).

Pendidikan merupakan kunci kepada usaha membangunkan masyarakat dan negara. Masyarakat yang terdidik secara menyeluruh dan seimbang yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara adalah produk daripada pendidikan berkualiti selaras dengan tuntutan Islam. Proses yang penting untuk melahirkan masyarakat terdidik adalah dengan penguasaan ilmu, masyarakat yang berketrampilan, berkebolehan, inovasi, bertanggungjawab, serta berakhlak mulia seiring dengan sunnah yang di ajarkan oleh Rasulullah SAW.

Pendidikan menurut Islam mempunyai kedudukan yang paling istimewa dan tertinggi. Wahyu pertama yang di sampaikan oleh Jibril as kepada Rasulullah SAW mempunyai konteks pendidikan dan tarbiyyah. Tujuan pendidikan dalam Islam adalah membentuk watak manusia sebagai khalifah di muka bumi yang bertanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah kesejahteraan hidup (Che Zakiah Binti Mohamad Salim, 2005:20). Selain daripada itu, pendidikan merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia dari segi melatih serta mendidik akal, iman, rohani, hati, akhlak serta jasmani seorang manusia berteraskan kepada nilai-nilai Islam bagi melahirkan dan menyediakan seorang insan yang bertaqwa dan mengabdikan diri kepada Allah SWT untuk menuju kejayaan di dunia dan di akhirat. Sepertimana wahyu pertama yang di sampaikan kepada Rasulullah SAW yang mengandungi suruhan mengenali Allah SWT.

Masjid juga merupakan pusat pembentukan masyarakat yang mampu memainkan peranan dalam memperkasakan syiar Islam. Sejarah membuktikan bahawa masjid menjadi tempat penumpuan kepada aktiviti pembangunan ummah serta tempat menyuburkan ukhuwah di kalangan Muhajirin dan Ansar. Masjid Quba' iaitu masjid yang pertama dibina pada hari pertama Rasulullah s.a.w. tiba di Madinah. Baginda tiba di Madinah pada hari Isnin dan menginap sehingga hari Jumaat (Atiyyah M. Saalim. 1994:85) dan diikuti masjid Nabawi bukan sahaja menjadi tempat umat Islam menunaikan ibadat solat, bahkan turut menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan, pusat kemajuan ekonomi ummah, pusat perjumpaan komuniti dan sebagainya.

Kertas kerja ini akan menumpukan kepada beberapa buah masjid yang dicadangkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kepada penyelidik sebagai masjid yang bertaraf inovasi dari aspek pengisian program pendidikan ilmu dan pusat pembangunan masyarakat setempat. Antara masjid yang telah di cadangkan adalah Masjid Bandar Baru Uda, Johor Bahru, Johor, Masjid Al-Azim Pandan Indah, Wilayah Persekutuan, Masjid Jamik Kampung Baru, Wilayah Persekutuan, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam Selangor dan Masjid al-Ghufran Taman Tun Dr. Ismail, Wilayah Persekutuan. Kelima-lima masjid ini telah

disenaraikan sebagai contoh masjid inovasi Masjid bukan sahaja dianggap sebagai tempat beribadat semata-mata malah harus di dimanfaatkan semaksimum yang mungkin apabila masjid mampu dijadikan institusi pendidikan Islam dan proaktif dalam pembangunan masyarakat setempat.

### **Masjid Di Zaman Rasulullah SAW**

Masjid berasal dari perkataan bahasa Arab yang terbit daripada kata dasar 'sajada' bererti sujud. Penambahan awal huruf mim sebagai indikator tempat menjadikan maksud masjid sebagai tempat orang-orang Islam sujud menyembah Allah Yang Maha Esa (Mohd Ismail bin Mustari, et.al, 2009:256). Manakala dari segi syarak membawa maksud setiap tempat di permukaan bumi yang bersih yang boleh dijadikan tempat bersujud atau bersembahyang (Miftah Farid. 1984:2).

Sejarah mencatatkan bahawa pada masa permulaan perkembangan Islam ke pelbagai negeri, bila umat Islam menetap di suatu daerah baru, maka salah satu saranan untuk kepentingan umum yang mereka buat adalah masjid (Mohd Ismail bin Mustari, et.al, 2009: 256). Faktor utama kekuatan dan kehebatan umat Islam terletak pada kekuatan yang ada pada institusi masjid. Masjid bukan sahaja tempat umat Islam melaksanakan ibadat khusus sahaja bahkan di situlah tempat umat Islam membina keunggulan. Sejarah pembangunan masjid berkait rapat dengan perluasan wilayah Islam dan pembangunan kota-kota Islam.

Peristiwa hijrah Rasulullah SAW dan umat Islam dari Makkah ke Madinah pada tahun pertama Hijrah (622M) merupakan sejarah awal bermula pembinaan masjid. Masjid Quba' (Nor Raudah & Mohamad Zaidi, 2006).telah dibina oleh Rasulullah SAW setibanya di pinggir kota Madinah. Masjid Nabawi atau di sebut masjid Nabi di Madinah adalah masjid yang kedua di bina oleh Rasulullah SAW selepas masjid Quba'. Mengikut sejarah, selepas memasuki Kota Madinah, baginda menolak pelawaan beberapa sahabat supaya menginap di kediaman masing-masing sebaliknya Rasulullah SAW membiarkan untuknya menentukan tempat yang baginda akan berhenti. Unta tersebut berlutut merebahkan dirinya di satu tapak milik dua orang anak yatim bernama Sahl dan Suhail. Kedua-dua anak yatim itu ingin menghadiahkan tapak tersebut kepada Rasulullah SAW, tetapi Baginda enggan menerimanya, bahkan baginda membeli dengan harga sepuluh dinar emas (Mohd Dani Muhamad, 2011: 85).

Al-Quran mengungkap perkataan masjid dalam 44 tempat dan ia boleh dipecahkan kepada tujuh kumpulan seperti berikut (Mohd Ismail bin Mustari. 2009: 256):

- i. Masjid disifatkan dengan al-Haram iaitu dalam lima belas tempat
- ii. Masjid disifatkan dengan al-Aqsa disebut dalam satu tempat.
- iii. Masjid yang disifatkan dengan al-Haram dan juga al-Aqsa iaitu enam tempat.
- iv. Perkataan al-Saf yang dimaksudkan dengan masjid iaitu satu tempat.
- v. Masjid yang disebut dalam bentuk jama' iaitu enam tempat.
- vi. Al-bait (rumah) yang dimaksudkan kepada masjid iaitu dalam lima belas tempat.
- vii. Al-Buyut (rumah-rumah yang dimaksudkan dengan masjid dalam dua tempat

### **MASJID SEBAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM**

Pendidikan dari sudut Islam memperlihatkan suatu paradigma yang bersifat holistik, sepadu dan seimbang. Pendidikan Islam bersifat holistik atau menyeluruh kerana ia meliputi perkembangan manusia dari aspek jasmani, rohani, intelek dan emosi secara bersepadu yang mana potensi ini dapat digunakan untuk meningkatkan pelbagai aspek kehidupan manusia. Manakala seimbangny pendidikan Islam kerana ia menekankan kemajuan dan kebahagiaan hidup manusia di dunia dan di akhirat (Asmawati Suhid, 2006).

Masjid semenjak zaman Rasulullah SAW adalah sebagai tempat pembentukkan peribadi umat Islam atau dalam erti kata lain masjid adalah pusat pendidikan Islam dalam pelbagai bidang akidah, syariah dan akhlak. Institusi masjid berperanan sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan. Contohnya masjid al-Nabawi dijadikan sebagai pusat pembelajaran. Di serambi bahagian sisi atau anjung masjid dijadikan sebagai ruangan tambahan bagi pencinta-pencinta ilmu untuk berkumpul menuntut ilmu Azhar bin Muhammad et.al. (2011). Aktiviti pengajian di sini telah dijalankan oleh Rasulullah SAW sendiri, di samping melatih beberapa orang dalam kalangan sahabat yang ditugaskan sebagai guru di antaranya ‘Abdullah bin al-Rawahah, Ubadah bin Somit dan Abu Ubaidah bin al-Jaraah.

Peranan masjid sebagai institusi ilmu tidak pernah berubah walaupun bentuk pemerintahan berpindah dari zaman Rasulullah SAW kepada era Khulafa’ al-Rasyidin dan kemudiannya kepada pemerintahan Umawiyah yang berpusat di Damsyik dan pemerintahan Abbasiyyah yang berpusat di Baghdad. Sebagai contoh, terdapat 40 hingga 50 halaqah ilmu pada setiap hari dilakukan di Masjid al-Mansur pada zaman Harun al-Rasyid. Walau bagaimanapun, era Abbasiyyah menyaksikan ransangan yang kuat diberikan dalam bidang keilmuan dengan tertubuhnya sekolah dan perpustakaan (Zahari Mahad Musa. 2009).

Di peringkat awal institusi masjid diperkenalkan sebagai sebuah pusat pendidikan di samping mengekalkan fungsi yang lain, struktur pengajian yang di laksanakan berbentuk tidak formal. Walau bagaimanapun ia telah menjadi sebuah pusat pendidikan yang lebih sistematik bila wujudnya tempat belajar yang didirikan bersambung dengan masjid dikenali sebagai al-Suffah. Amalan ini telah menjadi warisan dan menerima perkembangannya sehingga tercetusnya usaha untuk membina tempat khusus untuk pengajian tetap, rasmi dan sistematik (Zulkiflee Haron, 2008). Ada masjid-masjid di negara-negara Islam yang sampai terkenal di dunia sebagai bukan fungsi masjidnya sahaja, tetapi juga sebagai sebuah universiti. Contohnya masjid Zaituna di Tunisia, masjid Qarawain di Maghribi dan masjid al-Azhar di Mesir. Masjid-masjid ini merupakan model yang boleh dicontohi (Aminuddun Ruskam al-Dawamy, 2008). Hasilnya, lahirnya ilmuan-ilmuan yang menguasai pelbagai bidang kepakaran antaranya Ibn Sina, al-Kharizmi, al-Ghazali, al-Kindi, al-Farabi dan ramai lagi. Mereka inilah yang mengangkat martabat dan mengunggulkan ummah. Penguasaan mereka di bidang ilmu memberikan manfaat yang besar kepada keutuhan tamadun Islam sehingga umat Islam di waktu itu digeruni oleh dunia.

Pada masa kini, umat Islam terdedah dengan pelbagai gejala sosial yang kurang sihat dan gejala yang boleh menggugat keutuhan keimanan umat Islam jika tidak dirawat dengan segera. Seperti kata pepatah melayu “mencegah lebih baik daripada merawat”. Kedudukan masjid sebagai institusi pendidikan Islam harus memainkan peranan yang aktif dalam menyuburkan pembudayaan ilmu dalam masyarakat terutamanya apabila masyarakat sedang dilanda dengan pelbagai masalah sosial, kerohanian, akidah dan akhlak.

Di Malaysia, kebanyakan masjid ilmu-ilmu Islam disampaikan dengan cara kuliah atau tafaquh iaitu guru akan duduk bersila atau duduk di kerusi dan berpandukan kepada sebuah kitab yang akan disampaikan sementara jemaah akan bersila di lantai. Biasanya penyampaian dijalankan dengan cara “one way” iaitu guru menyampaikan ilmu manakala jemaah akan mendengar. Sesekali jemaah akan bertanyakan soalan kepada guru.

Berdasarkan keadaan di Malaysia sekarang, kebanyakan masjid kelihatan lesu dan sunyi kecuali beberapa buah masjid di sekitar bandar dan daerah yang aktif menjalankan kegiatan keagamaan dan berbentuk kemasyarakatan yang dihidupkan oleh ahli jawatankuasa yang mempunyai

komitmen untuk memajukan ummah. Program-program di masjid dan bentuk pembelajarannya perlu dirangka dan digubal 'kurikulum masjid' yang fleksibel untuk semua peringkat daripada kanak-kanak hingga dewasa supaya pendidikan agama dapat mengisi keperluan masyarakat Islam dalam zaman yang serba moden ini. Pendekatannya mesti merangsang dan interaktif serta mengambil kira keperluan menyeluruh masyarakat Islam daripada sekadar beribadat semata-mata (Shidki, 2012).

## MASJID SEBAGAI PUSAT PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Seiring dengan peredaran masa dan perkembangan masyarakat serta pembangunan minda dan fizikalnya memberikan isyarat bahawa institusi masjid juga perlu berkembang untuk mengimbangi keperluan dan perkembangan masyarakat Islam. Khususnya masjid-masjid yang berkedudukan strategik di negara ini perlu mengorak langkah bagi menampung dan memenuhi keperluan masyarakat. Untuk melaksanakan konsep masjid sebagai sebuah institusi, maka kita haruslah mempunyai pandangan yang jauh ke hadapan dan menjadikan masjid sebagai Pusat Pembangunan Islam yang merangkumi semua kegiatan yang boleh diterjemahkan sebagai ibadah (Norsiah Sulaiman Dan Nafisah Abd Rahman. 2009).

Pada masa kini, umat Islam terdedah dengan pelbagai gejala sosial yang kurang sihat dan gejala yang boleh menggugat keutuhan keimanan umat Islam jika tidak dirawat dengan segera. Seperti kata pepatah melayu "mencegah lebih baik daripada merawat". Oleh itu, masjid-masjid perlu berusaha meningkatkan aktiviti-aktiviti ke arah pembangunan kerohanian umat Islam agar mampu bersaing menghadapi kesan gejala globalisasi ini.

Pembangunan masyarakat tidak hanya tertumpu kepada soal akhlak atau memfokuskan pada program-program keagamaan semata-mata, malah untuk menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat yang terulung, masjid harus memahami kehendak masyarakat semasa. Dalam erti kata lain segala aktiviti kemasyarakatan bermula di masjid sebagaimana masjid di zaman Rasulullah. Aktiviti-aktiviti pembangunan sosial masyarakat diadakan bagi mengeratkan tali silaturrahim sesama ahli qariah dengan institusi masjid. Ini bermaksud bukanlah segala aktiviti dilakukan di dalam masjid tetapi pihak masjid boleh menganjurkan sesuatu program dan diadakan di luar masjid. Contohnya masjid menganjurkan program sukan untuk remaja seperti pertandingan bola sepak, takraw dan sebagainya, tidak menjadi suatu kesalahan jika sukan dianjurkan oleh masjid. Islam sendiri menggalakan umatnya supaya beriadah, malah itu dapat mendekatkan remaja dengan masjid seperti pepatah Arab menyebut:

العقل السليم في الجسم السليم

*Maksudnya: Akal yang sihat dari badan yang sihat*

Selain daripada itu bagi memenuhi keperluan masyarakat semasa supaya terus relevan seharusnya masjid perlu menyediakan pelbagai kemudahan seperti kemudahan riadah, kemudahan pusat rawatan kesihatan, kemudahan pusat komuniti, kemudahan pusat pendidikan atau kemudahan kedai jualan barangan halal. Pihak pengurusan masjid boleh meluaskan program yang dianjurkan, tetapi jangan sampai mencemarkan kesucian masjid.

## KATEGORI MASJID DI MALAYSIA

Mengkategorikan masjid bukan bermakna mengubah peranan dan fungsinya. Namun ia semata-mata untuk memudahkan pemfokusan operasinya serta peranan yang lebih terarah. Disamping menyemarakkan peranan dan fungsi masjid lebih berkesan (Ajmain, 2008). Masjid di Malaysia

boleh dipecahkan kepada beberapa kategori, kategori tersebut adalah:

- i. Masjid Negara:  
Di Malaysia terdapat hanya sebuah Masjid Negara yang terletak di Kuala Lumpur, ia merupakan lambang keagungan Islam di Malaysia (Roziya Abu et.al:2008).
- ii. Masjid Negeri:  
Masjid kategori ini dianggap masjid utama yang terdapat di setiap negeri di dalam Malaysia (Roziya Abu et.al:2008). Kebiasaanya Masjid Negeri terletak di tengah pusat Bandar atau di tempat yang strategik. Memiliki prasarana yang mencukupi dan baik. Kakitangan masjid sepenuh masa serta Imam yang berkelayakan akedemik sama ada Ijazah atau Diploma Tahfiz. Dilingkungi ahli kariah yang terdiri daripada pelbagai status atau latar belakang pendidikan, sosio ekonomi (Ajmain, 2008:11).
- iii. Masjid Daerah:  
Setiap daerah dalam setiap negeri akan hanya mempunyai sebuah Masjid Daerah (Roziya Abu et.al:2008). Masjid Daerah adalah masjid yang berada di tempat strategik di satu-satu daerah yang tidak memiliki ahli kariah yang khusus. Dilingkungi oleh ahli kariah daripada pelbagai latar belakang. Pengaruhnya meungkin lebih besar memandangkan masjid ini berada dalam daerah tersebut. Ada kalanya masjid daerah menjadi pusat kepada aktiviti masjid di semua kariah dalam daerah tersebut.
- vi. Masjid Mukim (Kariah):  
Jumlah masjid kategori ini adalah tidak terhad kerana kewujudannya berdasarkan saiz populasi umat Islam setempat. Di antara ciri utama semua kategori masjid yang disebutkan ialah ianya boleh menjalankan ibadah solat Jumaat, kecuali seterusnya (Roziya Abu et.al:2008). Didirikan sama ada di kawasan taman bagi mewakili beberapa taman atau di kawasan perkampungan. Kebanyakannya dilengkapi dengan prasana yang agak baik (Ajmain, 2008).
- v. Surau:  
Petugas Masjid terdiri daripada pengawai jabatan, Majlis Agama Islam Negeri manakala Pengawai Masjid Mukim pula terdiri daripada orang awam yang diberikan sagu hati kerana perkhidmatan mereka. Namun begitu penyelarasan bayaran sagu hati antara setiap negeri adalah tidak seragam.

## **SEJARAH RINGKAS MASJID PILIHAN**

Masjid inovasi atau masjid yang mampu berdikari dengan kepelbagaian program pendidikan dan pembangunan masyarakat. Ini bertitik tolak dari anugerah yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu Anugerah Masjid Mandiri. Masjid bukan sahaja tempat beribadat bagi umat Islam malah ia turut berfungsi sebagai pusat perkembangan ilmu, pusat sosial, pusat pembangunan masyarakat serta aktiviti ekonomi. Sesuai dengan peredaran zaman yang semakin moden, pengurusan masjid seharusnya lebih produktif dan mepertingkatkan kualiti pengurusan serta pengisian-pengisian yang bermanfaat kepada umat Islam supaya dapat mengimarahkan rumah Allah. Masjid wajib ditadbir secara professional kerana masjid adalah lambang kekuatan Islam. Masjid-masjid ini telah banyak memberikan sumbangan kepada keperluan sosial masyarakat setempat.

### **Masjid al-Ghufran**

Masjid al-Ghufran telah di bina bermula tahun 1993, pada mulanya masjid ini di daftarkan dengan nama Surau Balai Islam pada 4 April 2000, Surau Balai Islam telah di naik taraf dengan nama Masjid al-Ghufran. Al-Ghufran membawa maksud “keampunan” adalah nama yang diberikan oleh YBhg Datuk Mohd Hasyim Bin Yahya, Mufti Wilayah Persekutuan ketika itu. Lokasi masjid ini terletak di Pinggir Taman Tun Dr. Ismail. Lokasi ini amat strategik kerana

terletak di atas bukit menghadap Lebuhraya Damansara - Puchong dan bersempadan dengan Kuala Lumpur. Keluasan masjid ini adalah 3.15 ekar yang boleh memuatkan 1500 orang jemaah dalam satu-satu masa. Masjid ini mempunyai enam tingkat iaitu empat tingkat di atas tanah manakala dua tingkat di kawasan bawah tanah masjid (Hassanuddin Ali, 2012).

### **Masjid Jamik Kampung Baru**

Sejarah pembinaannya bermula dengan sumbangan sebidang tanah seluas empat lot oleh pedagang Melayu, Bachik Abdullah pada 1880-an. Bachik yang berasal dari Melaka dan menetap di Jalan Melayu, Kuala Lumpur terkenal sebagai ketua orang Melayu Kampung Ujong Pasir yang dermawan. Tanah sumbangan Bachik itu kemudian diwakafkan kepada Lembaga Pentadbir Kampung Baru (MAS) pada akhir 1920-an untuk dibangunkan sebuah masjid. Masjid pertama dibina berbentuk seperti sebuah balai sekadar memenuhi keperluan tempat sembahyang. Lantai balai berkenaan diperbuat daripada kayu, manakala tiang daripada batang pokok nibong. Sehingga kini Masjid Jamek Kampung baru terus mengalami perubahan dan pengubahsuaian dari segi luaran dan hiasan dalaman bagi memindahkan kawasan masjid berkenaan. Tetapi pada tahun 2012 ini, masjid ini akan di robohkan bagi membina sebuah masjid yang baru kerana masjid yang ada sekarang tidak mampu menampung jemaah yang datang setiap hari ke masjid ini. Pembinaan di jangka mengambil masa dua tahun (Hj Idris Shaari bin Mat Aris, 2012).

### **Masjid Jamek Bandar Baru Uda**

Sejarah pembinaan masjid ini telah bermula pada petang Jumaat, 6 September 1991 apabila satu perjumpaan yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) Wilayah Selatan dengan beberapa orang pemimpin masyarakat di Bandar Baru Uda Johor Bahru. Pihak Uda telah mencadangkan sekeping tanah PBT 16252 dengan keluasan 97,924 kaki persegi untuk dibina sebuah masjid di dalam projek perumahan BBU yang meliputi kawasan seluas 521 ekar dan akan mempunyai sejumlah lebih kurang 6,150 unit rumah kediaman.

Kos pembinaan masjid ini adalah RM4.2 juta hasil sumbangan dari kawasan kediaman, Uda, kerajaan negeri dan pusat dan sumbangan syarikat swasta serta dermawan. Pembinaan masjid ini bermula pada tahun 1994 dan siap pada tahun 1996. Masjid ini telah pertama kali mula digunakan dengan memiliki keluasan 18,640 kps yang boleh memuatkan 5,400 jemaah (Hussien Ismail, 2009:315).

### **Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**

Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah atau dikenali sebagai Masjid Negeri Selangor, telah dimulakan pembinaannya pada 1 hari bulan Oktober tahun 1983, siap dibina pada 15 haribulan Ogos tahun 1987 dan telah mula digunakan pada tahun yang sama juga. Masjid berkubah biru ini dibina di atas kawasan seluas 14.6 hektar dalam Pusat Bandar Raya Shah Alam. Ia boleh memuatkan sehingga 16,000 jemaah pada satu-satu masa.

Masjid yang mengabungkan seni bina Islam dan melayu ini terdiri daripada tiga tingkat, yang memuatkan pejabat pentadbiran, bilik persidangan, bilik menyambut tamu dan bilik kuliah yang terletak di tingkat bawah, dewan solat utama tingkat satu dan galeri di tingkat dua. Selain daripada itu masjid ini juga dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan seperti dewan kuliah, dewan seminar, perpustakaan, kelas-kelas bimbingan agama serta sebuah dewan yang luas untuk upacara akad nikah serta ruang mengambil wuduk (Ahmad Zaki Abdul Latiff dan Norsiah Sulaiman. 2011: 332).

**Masjid al-Azim, Pandan Indah**

Masjid al-azim telah dibina pada tahun 2001. Lokasi masjid al-Azim ini terletak di kawasan Pandan Indah Ampang Kuala Lumpur. Masjid ini boleh memuatkan hampir enam ribu orang jemaah pada satu-satu masa. Keluasan keseluruhan kawasan masjid ini adalah lapan ekar, lima ekar digunakan untuk bangunan termasuk masjid, rumah kakitangan dan kawasan parkir, sementara baki tanah yang lain dibiarkan kosong (Mohd Azmi Bin Anwar. 2012).

**CONTOH INOVASI MASJID PILIHAN**

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2005) inovasi bermaksud sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sisitem, adat dan lain-lain. Mengikut pekeliling Kemajuan Pertadbiran awam Malaysia (pkpa bil 3/93), perkataan inovasi berasal daripada bahasa Latin dan pada salanya membawa maksud 'pembaharuan'. Pekeliling ini ini mendefinisikan inovasi sebagai kebolehan untuk mencipta kemahiran di dalam menyelesaikan sesuatu masalah dan peluang untuk meningkatkan atau memperkayakan taraf hidup masyarakat (Azhar et.al: 2011:3).

Tujuan masjid inovasi ialah untuk menghasilkan satu produk atau perkhidmatan yang baru dan lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan sesuai dengan peredaran zaman. Ia adalah hasil cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti institusi masjid. Idea-idea ini boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun.

**Masjid al-Ghufran**

Semenjak dari penubuhannya pada 6 April 1993 hingga kini, masjid al-Ghufran sentiasa komited dengan pelbagai aktiviti pembangunan rohani dan jasmani. Perlaksanaan program-program ini diadakan demi menjadikan masjid ini sebagai pusat segala aktiviti serta pembangunan masyarakat serta memperluaskan fungsi masjid bukan tempat ibadat semata-mata. Keinovasian masjid al-Ghufran terserlah dalam aktiviti pembangunan masyarakat. Antara kegiatan masjid ini ialah:

- i. Dari sudut sosial:
  - a. Masjid ini seumpama rumah kedua bagi sesetengah orang yang musafir kerana di masjid ini menyediakan penginapan ala hotel yang dinamakan Kamar Musafir dengan kadar sewa yang berpatutan. Jenis Kamar Musafir yang disediakan ialah Kamar VIP, Kamar FAMILY, Kamar SINGLE. Kamar musafir ini juga dilengkapi dengan sistem WIFI dan UNIFI yang membolehkan penyewa mengakses internet dengan percuma. Selain daripada kemudahan asas lain seperti penghawa dingin, televisyen, meja makan, balkoni dan meja solek.
  - b. Masjid al-Ghufran juga memiliki sebuah restoran yang terletak di sebelah luar Kompleks Balai Islam iaitu Cafe' Al-Ghufran. Cafe' Al-Ghufran ini dibuka untuk jemaah dan orang ramai untuk menjamu selera. Ia beroperasi dari jam 7.00 pagi sehingga 11.30 malam yang boleh memuatkan 300 sehingga 400 orang pada satu-satu masa. Cafe' Al-Ghufran ini telah dirasmikan oleh Datuk Raja Nong Chik Bin Raja Zainal Abidin pada 9 Mei 2009. Masjid ini menyediakan kemudahan dewan konferen untuk menjalankan program persidangan, mesyuarat agung, konferen, taklimat dan sebagainya. Dewan Konferen ini terletak di aras 2 yang boleh memuatkan seramai 140 orang peserta pada satu-satu masa. Ianya dilengkapi dengan kemudahan penghawa dingin, LCD Projektor, P.A System, meja dan kerusi.
- ii. Dari Sudut Pendidikan Islam dan Dakwah
  - a. Masjid al-Ghufran telah menganjurkan Program Diploma Eksekutif Pengurusan Intitusi Masjid (DEPIM) dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Jabatan



- Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pengajian ini berlangsung selama 2 sesi iaitu pada pertengahan tahun dan penghujung tahun dan terbuka sesiapa yang berminat dan berhasrat untuk menguruskan masjid dengan lebih sistematik. Majlis konvekesyen pertama peserta DEPIM telah berlangsung di Universiti Sabah Malaysia (UMS) pada 10 November 2011.
- b. Sekolah Rendah Agama Balai Islam (SERAMBI) berfungsi di bawah pentadbiran jabatan agama islam wilayah persekutuan sepenuhnya dan dipantau oleh tiga orang pengawai masjid. seramai 8 orang tenaga pengajar yang terlibat dalam memberi pengajaran di SERAMBI. Seramai 190 hingga 200 orang murid sekitar tahun 2010-2011 telah mengikuti kelas ini.
  - c. Mengadakan kuliah-kuliah mingguan dan bulanan. Antara subjek ialah Fiqh al-Jinayat, Sirah, Fiqh Ta'umul Ma'an Nas dan kitab Bahrul Mazi.
- iii. Dari Sudut Program Sosial
- a. Menyediakan perkhidmatan Khairat Kematian (Takaful) dengan kerjasama Syarikat Takaful Malaysia.
  - b. Program kadet remaja masjid al-Ghufran.
  - c. Penerbitan buku dwi tahunan masjid al-Ghufran.

### **Masjid Jamek Bandar Baru Uda**

Masjid ini menyediakan beberapa bahagian untuk para jemaah seperti ruang solat utama, ruang solat belakang, ruang solat tepi dan ruang solat aras 2. Masjid ini dapat memuatkan seramai 5,400 orang jemaah dalam satu-satu masa. Kontrak pembinaan telah diamanahkan kepada Tebrau Bina Sdn. Bhd serta beberapa perunding lain. Hj. Munadi bin Muhajir merupakan ketua Imam masjid ini manakala Ustaz Hassan bin Majid dilantik sebagai imam kedua. (Mahadi bin Abu Hasan et al., 2004;2). Selain itu, masjid ini juga telah menubuhkan sebuah pusat dialisis dan kesihatan yang dikelolakan oleh Jawatankuasa Pembangunan Pusat Dialisis dan Kesihatan Masjid Jamek Bandar Baru Uda. Pengumpulan dana pembangunannya dilancarkan pada bulan November 2001. Segala urusan kewangan dan pentadbiran adalah terletak di bawah kawalan Yayasan MJBBU. Pusat ini mempunyai 10 buah mesin dialisis dan telah menjalankan lebih dari 1800 kes rawatan sehingga kini (Mahadi bin Abu Hasan et al., 2004).

Pihak pengurusan masjid ini telah membahagikan program-program masjid kepada dua bahagian iaitu program mingguan dan program tahunan. Bagi program mingguan, antara program yang diadakan adalah seperti kuliah harian, kelas bimbingan agama HELWA, program remaja dan beliawanis, kelas MAFA, kelas Tahfiz dan kursus haji (Mahadi bin Abu Hasan et al., 2004; 10-11). Program tahunan pula adalah sama seperti di masjid-masjid lain seperti sambutan Maulidur Rasul, solat hajat perdana, ceramah Isra' dan Mikraj, majlis berbuka puasa dan sebagainya. Manakala beberapa program yang dianggap yidak kurang pentingnya juga wujud di sini seperti program lawatan ke hospital, bazar Ramadhan dan sebagainya (Mahadi bin Abu Hasan et al., 2004).

Masjid Bandar Baru Uda telah di anugerahkan dengan pelbagai kejayaan di antaranya Masjid Jamek Bandar Baru Uda menerima pengiktirafan tertinggi sempena sambutan Maal Hijrah 1429H. Penganugerahan Anugerah Khas Masjid peringkat negeri Johor Darul Takzim yang disampaikan oleh YAB Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman semasa Majlis Pelancaran Maal Hijrah 1429H di Dewan Pusat Islam Iskandar pada 1 Muharam 1429H yang lalu membuktikan segala usaha dan perancangan yang dilaksanakan dari peringkat pembinaan sehingga ke Jawatankuasa Tadbir telah berjaya memperkasakan institusi ini.

Masjid Jamek Bandar Baru Uda telah diberi penganugerahan Masjid Inovasi Mandiri dalam Karnival Inovasi Islam bertempat di Masjid Tuanku Zainal Abidin, Putrajaya dari 5 hingga 8 Ogos 2010. Masjid BBU adalah satu-satunya masjid yang diberi peluang untuk membuat pameran.

Koperasi Masjid BBU mengambil peluang dengan mempamer dan menjual barangan dan mendapat sambutan menggalakkan.

Beberapa keistimewaan yang ada di masjid ini adalah sebagaimana berikut:

- i. Memiliki Yayasan Masjid Jamek Bandar Baru Uda yang berperanan sebagai badan yang mencari dan mengurus dana masjid bagi melaksanakan aktiviti dan pengimarahannya.
- ii. Bersikap proaktif dalam mengadakan berbagai majlis ilmu seperti kuliah maghrib, subuh, kelas tahfiz, muqadam, alquran, kelas bahasa Arab, kelas seni khat, ceramah, tadarus, tajwid fasahah, taranum dan berzanzi.
- iii. Sepanjang bulan Ramadhan mengadakan bazar yang disertai oleh seramai 150 orang peserta, mengagih-agihkan bubur lambuk secara percuma, berbuka puasa dan sahur.
- iv. Mengadakan dana masjid secara sistematik dan berkesan melalui Dana KAMI (Kebajikan Masyarakat Islam) yang diberi kepada mereka yang memerlukan terdiri dari kariah tempat lain.
- v. Menubuhkan Pusat Hemodialisis dan Kesihatan yang memberi perkhidmatan kepada pesakit kepada pesakit buah pinggang.
- vi. Mewujudkan Pusat Perkembangan Seni Khat dan Tulisan Jawi bertujuan memartabatkan tulisan jawi dan seni khat.
- vii. Mewujudkan program kitar semula dengan hasilnya disumbangkan kepada dana masjid.
- viii. Menyediakan program belia dan remaja seperti kem motivasi, ceramah kerjaya, kursus perkahwinan, kejohanan sukan dan kelas tuisyen.
- ix. Memiliki 11 kakitangan dengan gaji dan elaun dibayar sepenuhnya oleh masjid.
- x. Mewujudkan Direktori Kariah.
- xi. Mempunyai harta seperti bangunan yang digunakan untuk kakitangan dan sewaan.
- xii. Mempunyai sebuah Dewan Serbaguna yang digunakan untuk pelbagai kegiatan seperti majlis keramaian, perkahwinan, sukan dan sebagainya.
- xiii. Mempunyai pasukan katering yang digunakan dalam pelbagai majlis terutama perkahwinan dan berupaya mendapatkan sumber kewangan.
- xiv. Sentiasa proaktif mencari ide baru untuk memajukan masjid dengan mengadakan lawatan ke berbagai tempat samada dalam ataupun luar negeri.

### **Masjid Jamik Kampung Baru**

Masjid jamek kampung baru yang terletak di Kuala Lumpur ini sentiasa tidak sunyi daripada pengunjung sama ada dari kawasan Kuala Lumpur atau dari luar. Apa yang menarik, menurut pengerusi Masjid Jamik Kampung Baru iaitu Datuk Hj Idris Shaari bin Mat Aris mengatakan bahawa apabila menjelang bulan Ramadhan, pihak masjid akan menyediakan bubur lambuk kira-kira 100 buah periuk setiap hari untuk diagihkan kepada umat Islam setempat secara percuma.

Aktiviti ini telah dijalankan setiap tahun dan di jadikan acara tahunan masjid jamek Kampung Baru. Dikatakan sebahagian besar penduduk Kampung Baru dan Kuala Lumpur pernah menikmati bubur lambuk masjid dan ada juga yang datang dari luar Kuala Lumpur semata-mata untuk mencuba kesedapan bubur lambuk masjid. Menurutnya lagi, dengan kehadiran imam dari Arab Saudi yang mengimamkan solat tarawih, menambahkan lagi bilangan jemaah untuk bersolat di masjid ini. Selain daripada itu, sumbangan-sumbangan amal kepada fakir miskin dan anak yatim sentiasa menjadi agenda tahunan masjid Jamik Kampung Baru ini. Sumbangan yang diperolehi diterima dari orang ramai digunakan sebaiknya untuk kebajikan ahli kariah dan masyarakat setempat.

Masjid ini juga telah menubuhkan tadika Islam di bawah kendalian masjid. Penubuhan tadika Islam ini adalah usaha untuk melahirkan tunas Islam yang cemerlang dalam akedemik dan saksiah. Segala usaha yang dilaksanakan ini merupakan agenda pendidikan secara langsung

dan tidak langsung di dalam melaksanakan tanggungjawab membawa masyarakat kepada penyuburan cinta agama.

### **Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**

Program pendidikan ilmu Islam antara teras yang dilaksanakan oleh masjid negeri ini. Kebanyakannya kelas pengajian berbentuk kuliah-kuliah umum dan khusus yang menyentuh pelbagai bidang ilmu pengajian Islam seperti Tauhid, Tajwid, Fiqh, dan Hadis. Program pendidikan dan pengajian ilmu Islam ini merangkumi pelbagai skop dan bidang seperti Akidah, Syariah, al-Quran, Hadis, Fiqh dan Sirah. Kesemua program yang dijalankan melibatkan pelbagai golongan sasaran dari peringkat remaja mahupun dewasa. Kelas-kelas pengajian dijalankan ada secara harian dan mingguan.

Masjid ini juga menyediakan pengajian bersijil, seperti pengajian bahasa Arab dan pengajian al-Quran yang mengambil masa selama sepuluh bulan. Bilangan peserta yang terlibat dalam pengajian bermodul ini melebihi 600 orang secara tetap. Pihak Pengurusan masjid bercadang untuk membuat pengambilan dalam tahun 2012 seramai 2000 orang untuk pengajian bermodul ini memandangkan sambutan yang luar biasa telah ditunjukkan oleh masyarakat setempat dan masyarakat sekeliling Shah Alam. Usaha-usaha ke arah pelaksanaan ini sedang giat dijalankan seperti menambah bilangan bilik kuliah, penyediaan guru dan modul yang akan dikuliahkan.

Selain daripada itu, masjid ini juga menyediakan pusat penjagaan anak-anak. Ibu-ibu yang mempunyai pengajian di masjid ini dan membawa anak mereka yang masih kecil, boleh meletakkan anak mereka di pusat penjagaan ini yang di jaga oleh pekerja yang bertugas di pusat penjagaan anak-anak ini. Perkhidmatan ini merupakan suatu kemudahan bagi wanita yang membawa anak mereka yang masih kecil ke masjid dan mempunyai kelas pengajian di masjid, perkhidmatan yang disediakan adalah percuma.

Kecanggihan teknologi maklumat turut mempengaruhi masyarakat setempat dan orang luar menghadiri kelas pengajian di masjid ini. Dengan kecanggihan teknologi maklumat ini sebarang penyebaran maklumat mudah diketahui oleh umum. Ini terbukti apabila masjid menggunakan laman sosial seperti "facebook" untuk menyebarkan maklumat berkaitan dengan aktiviti masjid.

### **Masjid al-Azim, Pandan Indah**

Sepanjang pemerhatian dan kajian terhadap pengurusan masjid ini, masjid al-Azim boleh dikatakan sebagai masjid yang cemerlang dari sudut pendidikan Islam dan dakwah. Antara langkah dan yang diambil oleh pengurusan masjid ini ialah mempelbagaikan metode pengajian. Sambutan yang menggalakkan terhadap kelas pengajian yang diadakan di masjid ini menggambarkan sikap masyarakat setempat yang memiliki kesedaran agama tinggi untuk menimba ilmu agama. Boleh dikatakan hampir 80 kuliah setiap bulan merangkumi kuliah subuh, kuliah dhuha, kuliah maghrib, kuliah wanita, kuliah remaja dan kuliah-kuliah kecil yang lain. (Mohd Azmi bin Anwar. 2012). Antara kitab yang mendapat sambutan jemaah adalah:

- i. Kitab Bidayatul Hidayah
- ii. Kitab Bahrul Mazi
- iii. Kitab Bulughul Maram

Masjid ini juga menyediakan sudut membaca, iaitu buku-buku berkaitan agama diletakkan di suatu ruangan dalam masjid bagi memudahkan jemaah membaca. Pihak pengurusan masjid juga telah menyediakan refleksologi bagi jemaah yang datang ke masjid, bayaran sebanyak RM2. Hasil dari duit tersebut akan dimasukkan di dalam tabung masjid.

Keruntuhan akhlak khususnya golongan remaja dan muda-mudi hari ini telah menjadi persoalan utama sehingga pelbagai pihak di salahkan. Contohnya berduka-dua antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram, lepak sehingga larut malam dan banyak lagi gejala sosial yang sedang melanda. Oleh itu, masjid al-Azim telah mengambil inisiatif dengan penubuhan Kelab Amar Makruf Nahi Mungkar. Kelab ini dianggotahi oleh ahli jawatankuasa masjid dan beberapa ahli kariah. Tujuan penubuhan kelab ini ialah mencegah para remaja dan belia dari terlibat dengan aktiviti yang tidak baik. Kelab ini beroperasi selepas pukul 12 malam.

## PENUTUP

Masjid merupakan sebuah institusi pendidikan Islam yang hebat suatu ketika dahulu. Peranan tersebut haruslah di teruskan sehingga sekarang. Dalam menjadikan masjid sebagai pusat pendidikan Islam, masjid hendaklah memastikan kuliah-kuliah atau kelas pengajian yang dijalankan tidak dilakukan sekadar memenuhi aktiviti dakwah masjid tetapi bentuk pengajian yang disampaikan menggunakan sukatan kurikulum yang lengkap atau berkitab dan berkesinambungan antara satu sama lain bagi melahirkan umat Islam yang proaktif dan berketrampilan. Selain daripada itu mewujudkan organisasi masjid yang bersifat sentiasa peka dengan isu-isu semasa yang melanda ummah dan bertindak sebagai institusi penyelamat.

## RUJUKAN

- Ahmad Zaki Abdul Latiff dan Norsiah Sulaiman. 2011. *Pentadbiran Masjid Secara Professional: Model Kajian Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS) Shah Alam*. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa. Anjuran Pusat Islam UTM Dan Institusi Agama Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh.
- Atiyyah M. Saalim. 1994. *Adab Ziarah Maqam dan Masjid Nabi s.a.w. (terjemahan)*. Ed.1. Kuala Lumpur: Dinie Publisher.
- Asmawati Suhid. 2006. Pengajaran *Adab Akhlak Islamiah Dalam Membangunkan Modal Insan*. Prosiding Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah. Fakulti Pendidikan Unversiti Kebangsaan Malaysia UKM.
- Aminuddun Ruskam al-Dawamy. 2008. *Falsafah Dan Fungsi Masjid Dalam Islam. Fungsi Dan Peranan Masjid Dalam Masyarakat Hadhari*. UTM.
- Azhar Bin Muhammad, Mohd Ismail Bin Mustari, Bushrah bt. Basiron, 2011, *Menjana Pengurusan Masjid Inovatif: Satu Keperluan Era Globalisasi*. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Inovatif. UTM.
- Che Zakiah Binti Mohamad Salim, 2005, Sarjana Pendidikan *Persepsi Murid Terhadap Personality Guru Pendidikan Islam Di Daerah Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus*, UKM.
- Hussien Ismail. 2009. *Perkongsian Pengalaman Pengurusan Masjid ASEAN: Masjid Jamek Bandar Baru Uda, Johor Bahru*. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat ASEAN 2009. Anjuran JAKIM dan Pusat Islam UUM.
- Miftah Farid. 1984. *Masjid*. Bandung. Penerbit Pustaka.
- Mohd Ismail Bin Mustari, Naemah Bt Hamzah, Azhar Bin Muhammad, Mahyudin Bin Md Sarip, 2009. *Masjid Sebagai Jantung Ummah*. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat ASEAN 2009. Anjuran Pusat Islam UUM.
- Mohd Dani Muhamad, 2011, *Inovasi Susunatur Ruang Masjid: Kajian Kes Kompleks Masjid Uthmaniyyah*. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Inovatif.
- Nor Raudah Hj Siren dan Mohamad Zaidi Abdul Rahman. 2006. *Strategi Mengurus Masjid*. Terbitan Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan. Kuala Lumpur.

- Norsiah Sulaiman dan Nafisah Abd Rahman. 2009. *Hab halal koner: Satu cabaran pengurusan masjid kini*. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat ASEAN 2009. Anjuran Pusat Islam UUM.
- Zulkiflee Haron, Mohd Nasir Ripin, Farahwahida Mohd Yusof. 2005, *Masjid Sebagai Institusi Pendidikan: Sorotan Abad Ke-3 H – 5 H*. Bab dalam buku. Fungsi Dan Peranan Masjid Dalam Masyarakat Hadhari. UTM
- Shidki. 2012. *Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Masjid*. atas talian. [http://masjidsiber.net/v3/index.php?option=com\\_content&task=view&id=14&Itemid=43](http://masjidsiber.net/v3/index.php?option=com_content&task=view&id=14&Itemid=43). 20 Feb 2012.
- Zahari Mahad Musa. 2009. *Masjid Sebagai pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat: Cabaran Pengisian Aktiviti Dan Pengimarhannya*. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa. Anjuran Pusat Islam UTM Dan Institusi Agama Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh.
- Tanpa pengarang. 2011. *Definisi Inovasi*. atas talian [http://sarawak.uitm.edu.my/kik/index.php?option=com\\_content&view=article&id=5&Itemid=23](http://sarawak.uitm.edu.my/kik/index.php?option=com_content&view=article&id=5&Itemid=23). 20 Disember 2011.